



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**08 Disember 2022
13 Jamadilawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• 35 jam tunda bot penceroboh• Kapal kren ditahan di Pulau Indah
Kosmo !	•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Maritim tahan dua bot, 19 kru nelayan Vietnam
The Star	•
The Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		18	8.12.2022

BERSAUH TANPA KEBENARAN

Kapal kren ditahan di Pulau Indah

Pelabuhan Klang

Tidak hanya gagal mengemukakan dokumen bersauh, malah tiga kru warga asing sebuah kapal turut gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri.

Tindakan itu dikesan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Selangor sejurus menahan sebuah kapal kren di perairan Pulau Indah di sini, jam 1.30 petang kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri Selangor, Kepten Maritim V Siva Kumar berkata, penahanan itu dilakukan ketika rutin rondaan Op Ehsan dan Op Benteng Laut 1/2022 dilakukan pihaknya berhampiran Pulau Indah, di sini.

"Pihak Jabatan Laut Wilayah Tengah (JLWT) memaklumkan, kapal kren itu tidak mempunyai kebenaran bersauh dari Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia.

"Ketika pemeriksaan awal dilakukan, kapten tidak berada di atas kapal. Pasukan operasi hanya menemui enam kru, tiga warga tempatan, dua warga Indonesia

KAPAL yang ditahan bersauh tanpa kebenaran selain kru tiada dokumen pengenalan diri di perairan Pulau Indah.



SMB MS 18 12/10

dan seorang warga Filipina berumur 34 tahun hingga 49 tahun.

"Hasil pemeriksaan dokumen mendapati, semua kru warga asing itu gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri kepada penguat kuasa termasuk dokumen kebenaran bersauh," katanya semalam.

Siva Kumar berkata, siasatan mendapati mereka disyaki melanggar peratu-

ran mengikut Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952 kerana tidak melaporkan ketibaan dan bersauh tanpa kebenaran.

"Maritim Malaysia memandang serius sebarang pelanggaran undang-undang di laut dan tindakan tegas akan diambil.

"Pengusaha perkapalan atau pemilik kapal dinasihatkan untuk memohon kebenaran bersauh daripada

Jabatan Laut Malaysia sebelum melabuhkan sauh dan mematuhi peraturan," katanya.

Beliau berkata, sebarang aduan dan maklumat mengenai kegiatan jenayah maritim serta kecemasan di laut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Operasi Maritim Negeri Selangor di talian 03-31760627 atau MERS 999 untuk tindakan segera.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	29	8.12.2022

Maritim tahan dua bot, 19 kru nelayan Vietnam

020 12 29 11000

KUALA TERENGGANU - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) berjaya menahan dua bot nelayan asing Vietnam bersama 19 kru kerana menangkap ikan dalam perairan negara tanpa kebenaran pada Isnin.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kepten Maritim Khairulanuar Abdul Majid berkata, dua bot tunda ganding itu ditahan pada jam 10.15 malam, kira-kira 135 batu nautika dari muara Kuala Terengganu.

Menurutnya, kehadiran bot nelayan Vietnam yang ketika itu leka menangkap ikan berjaya dikesan kapal Maritim yang sedang melaksanakan Op Kuda Laut dan Op Naga Barat.

"Bot pertama yang ditahan di-

kendalikan 14 kru termasuk tekong manakala bot kedua dikendalikan lima kru bersama tekong.

"Semua rampasan dianggarkan bernilai hampir RM3 juta melibatkan hasil tangkapan laut seberat 900 kilogram, bekalan diesel, bot dan peralatan menangkap ikan," katanya kepada pemberita di sini pada Rabu.

Khairulanuar berkata, semua kru berusia antara 16 hingga 62 tahun bersama bot yang ditahan dibawa ke jeti Maritim negeri Terengganu untuk siasatan lanjut.

Katanya, proses membawa bot tahanan mengambil masa lebih 35 jam kerana cuaca buruk susulan musim Monsun Timur Laut.

Jelas beliau, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana

menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara tanpa kebenaran daripada Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Maritim Negeri Terengganu tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang akan merugikan negara.

"Sepanjang tahun ini kita telah berjaya menahan 30 bot nelayan asing dengan anggaran nilai rampasan sebanyak RM45 juta termasuk bot tahanan, peralatan menangkap ikan, hasil ikan dan diesel," katanya.



Khairulanuar (tengah) menunjukkan hasil laut yang ditemui dalam bot nelayan asing Vietnam.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			18	8.12.2022

35 jam tunda bot penceroboh

Dua bot nelayan Vietnam ceroboh perairan negara disita

Oleh Faizul Azlan Razak
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Lebih 35 jam masa diambil untuk menunda dua bot nelayan Vietnam yang ditahan pada jarak kira-kira 135 batu nautika dari muara Kuala Terengganu, di sini, Isnin lalu.

Kesukaran itu dihadapi anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu susulan cuaca buruk dan laut bergelora.

Pengarah APMM Terengganu, Kepten Maritim Mohd Khairulnuar Majid@Razali berkata, kedua-dua bot berkenaan ditahan kapal maritim yang sedang melakukan Op Kuda Laut dan Op Naga Barat, selepas disyaki melakukan aktiviti penangkapan ikan

di perairan Malaysia tanpa kebenaran.

"Dua bot bersama 19 tekong dan kru berusia antara 16 hingga 62 tahun itu ditahan ketika sedang menjalankan aktiviti tunda ganding kira-kira jam 10.15 malam.

"Kami berdepan kesukaran dan mengambil masa lebih 35 jam untuk membawa dua bot itu ke jeti maritim susulan laut bergelora," katanya di pejabat APMM, di sini, semalam.

Mohd Khairulnuar berkata, bot serta kru dibawa ke jeti Maritim Negeri Terengganu untuk siasatan lanjut mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963.

"Hasil tangkapan laut, bekalan diesel, bot dan peralatan menangkap ikan dianggarkan bernilai hampir RM3 turut dirampas," katanya.



KHAIRULANUAR (dua dari kiri) menyoal tekong bot nelayan Vietnam yang ditahan selepas menceroboh perairan negeri ini di Ibu Pejabat Maritim Terengganu, semalam.

Beliau berkata, tahun ini, sebanyak 30 bot nelayan Vietnam ditahan dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM45 juta. Katanya, Maritim Tereng-

ganu tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengecut hasil laut negara.

"Kami akan terus menjalankan operasi walaupun ketika musim tengkujuh bagi memastikan perairan negara dan mengekang kehadiran bot asing.

"Rondaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi mencegah sebarang aktiviti menyalahi undang-undang," katanya.